


SEGERA

ke lesen (ultra)

Q first TR to
KUMP.


File sediak, first ashen
deklaring qst frame ASN
& datt oleh AWO/CSA
mengenai dasar lesen, dan
ini by: asal zon B. TR



MEMO

CAWANGAN PERUNDANGAN



Kepada:  2/11/2013	PENGARAH BAH. P & PS	Salinan	
Daripada: HJ. JOHARI BIN RAMLI PENGARAH PELESENAN & PENGURUSAN SUMBER IBU PEJABAT PERIKANAN PUTRAJAYA	KCU	Rujukan Kami:	Prk-ML-08/2013 PEPS.
		Tarikh:	18.12.2013

Tuan,

CADANGAN PELAKSANAAN DASAR BARU JABATAN BERKAITAN PENGGUNAAN PEMBANTU TAIKONG DI ATAS VESEL PENANGKAPAN IKAN ZON B

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memo tuan Ruj: Prk. ML. 34/59 JLD.15(3) yang diterima pada 4.12.2013 adalah berkaitan.


2. Untuk makluman tuan, berikut adalah pandangan undang-undang daripada pejabat ini.

3. Cadangan Dasar:

Membenarkan penggunaan pembantu taikong di atas vesel penangkapan ikan Zon B.

4. Peruntukan Undang-Undang:

i) Di bawah Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-peraturan tidak memperuntukkan mana-mana seksyen berkenaan keperluan "Pemilik vesel Zon A dan B perlu mengusaha sendiri vesel".


18/12/13

- ii) Keperluan ini merupakan dasar Jabatan dan telah dimasukkan/dicop sebagai salah satu syarat lesen di dalam buku lesen vesel dan peralatan Zon A dan Zon B seperti berikut:

USAHA SENDIRI – Vesel hendaklah diusahakan sendiri oleh pemilik vesel

- iii) Pelanggaran ke atas syarat ini merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 dan boleh di kompaun mengikut seksyen 31 Akta Perikanan 1985.

5. Ulasan Undang-Undang

Pejabat ini tiada halangan berkenaan dengan hasrat dasar untuk membenarkan pembantu taikong/pembantu nakhoda bagi menggantikan pemilik vesel mengusahakan vesel Zon B ini.

Walau bagaimanapun, pejabat ini ingin mencadangkan syarat 'USAHA SENDIRI' yang telah dimasukkan/dicop dalam buku lesen vesel Zon B tersebut perlu dipinda selaras dengan dasar baru ini supaya tindakan penguatkuasaan boleh diambil bagi memastikan hanya pembantu taikong yang telah dicatat nama pada m/s 1- maklumat dalam buku lesen sahaja yang dibenarkan untuk mengusahakan vesel. Cadangan pindaan syarat adalah seperti berikut:

USAHA SENDIRI – Vesel hendaklah diusahakan sendiri oleh pemilik vesel

DIPINDA KEPADA

USAHA SENDIRI – Vesel hendaklah diusahakan sendiri oleh pemilik vesel atau pembantu nakhoda seperti mana yang ditetapkan di dalam buku lesen ini. ✓

Pindaan syarat tersebut bagi menjamin hanya pembantu nakhoda yang telah didaftar oleh Jabatan dan dicatat dalam buku lesen sahaja yang boleh mengusahakan vesel Zon B tersebut sekiranya pemilik vesel iaitu nakhoda tidak dapat keluar ke laut.

Sekiranya syarat lesen yang telah dipinda tersebut tidak dipatuhi, maka akan menjadi satu kesalahan kepada pemilik vesel di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana mengusahakan vesel penangkapan ikan tempatan dengan melanggar syarat dalam lesen yang dikeluarkan. Pemilik vesel dan pembantu nakhoda setiap seorangnya adalah dianggap bersalah di bawah Seksyen 30 Akta Perikanan 1985-Nakhoda dan majikan adalah bertanggungjawab.

6. Di angkat ulasan ini untuk tindakan lanjut pihak tuan. Diharapkan penjelasan ini dapat memenuhi kehendak pandangan undang-undang seperti yang dipohon.

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya Yang Menurut Perintah,



HAZEELIA BINTI MUHAMMAD

Ketua Cawangan Perundangan,
Ibu Pejabat Perikanan, PUTRAJAYA

mah/caw.perundangan/marzz/pelesenan/dasar baru-guna pembantu taikong